

PERSEPSI PELAJAR SARJANA TERHADAP SUBJEK YANG DITAWARKAN
DALAM PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN TEKNIKAL DI KOLEJ
UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO)

MOHD. ZAIDI BIN SARIP

Kajian Kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2001

Untuk Yang Disayangi.

Segala Jasa Dan Pengorbanan Kalian

Hanya Allah S.W.T. Sahaja Yang Akan Membalasnya.

Penghargaan Untuk Bonda SITI MERIAM HJ REDZUAN

Dan Ayahanda SARIP AHMAD,

Buat Abang Dan Adik-Adik

Juga Rini...

TERIMA KASIH DAUN KELADI



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyiapkan kajian kes ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada En Ghazally Bin Spahat selaku pembimbing yang sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta pelbagai nasihat sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala tunjuk ajar beliau amat dihargai dan ia pastinya berguna sebagai bekalan di masa hadapan.

Tidak lupa juga kepada En Asri Bin Selamat selaku penilai yang telah meluangkan masa yang amat berharga untuk memberikan idea-idea dan cadangan yang bernas dalam memantapkan lagi kajian kes ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada para responden iaitu pelajar semester 3 Sarjana Pendidikan Teknikal KUiTTHO yang memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan terhadap penyelidikan yang dijalankan ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan, ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan diucapkan berbilang terima kasih dengan pengorbanan yang tidak ternilai.

Harapan saya, semoga kajian kes yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Inshaallah.

WASSALAM

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi pelajar semester 3 Sarjana Pendidikan KUiTTHO terhadap subjek-subjek yang ditawarkan dalam Program Sarjana Pendidikan Teknikal di KUiTTHO. Kepentingan kajian ini adalah kerana subjek-subjek yang ditawarkan dalam sesuatu program akan menggambarkan kredibiliti graduan program tersebut. Penentuan subjek yang berkesan akan melahirkan graduan yang berkebolehan dan bersedia menghadapi cabaran alam pendidikan terutama dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional yang semakin berkembang. Kajian ini memfokuskan kepada 3 persoalan utama iaitu kegunaan subjek-subjek yang ditawarkan dalam pengajaran mereka di Politeknik, tahap pengetahuan pensyarah yang mengajar subjek-subjek tersebut dan penilaian yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar. Ia mengambil kira pandangan dan pendapat dari pelajar yang telah mengikuti semua subjek yang ditawarkan dalam program ini serta pengalaman mereka semasa menjalani program Latihan Mengajar selama 2 bulan di Politeknik. Seramai 76 orang telah terpilih sebagai responden dalam kajian ini dan dapatan dari kajian ini telah dianalisa menggunakan program SPSS Version 10.0. Hasil dapatan menunjukkan para pelajar secara keseluruhannya menyatakan kegunaan setiap subjek dalam pengajaran di Politeknik. Mereka juga menyatakan bahawa pensyarah yang mengajar subjek-subjek tersebut mempunyai pengetahuan yang secukupnya serta telah memberikan penilaian yang adil.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the perception of master's student on the subjects they take for the Master of Technical Education Programme in KUiTTHO. The importance of the study is a good subjects determine a good and high quality graduate. A good subjects also developed a skillfull graduate especially in Technical and Vocational field . The study focused on 3 main objectives that is the used of the subjects for teaching reason in Polytechnic, the level of knowledge the lecturer of the subjects have and the evaluation they give to the students. The study was based on the experience they gained after 3 semester's study and from 2 month practical training in Polytechnic. 76 respondance was randomly selected to answer the questionnaire and the data was analyse using the SPSS Version 10.0 programme. The final result shows that almost all students give the same perception on the subject usefulness for teaching in Polytechnic, the level of knowledge the lecturer show and the evaluation they give to the student.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xi
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xii

BAB I PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	2
1.2	Tujuan Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Persoalan Kajian	3
1.5	Objektif Kajian	4
1.6	Skop Kajian	4

1.7	Definisi Istilah	4
1.7.1	Pelajar	4
1.7.2	Pensyarah	5
1.7.3	Program Sarjana Pendidikan Dengan Kerja Kursus	5
1.7.4	Persepsi	5

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.0	Pengenalan	6
2.1	Ciri-ciri Pelajar dalam Pendidikan	7
2.2	Tugas dan Tanggungjawab pensyarah	8
2.3	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	10
2.4	Penilaian Dalam Bidang Pendidikan	11
2.5	Penulisan Tesis atau Kajian Kes Dalam Bidang Pendidikan	12
2.6	Pengajaran Mikro Dalam Bidang Pendidikan	13
2.7	Pedagogi Dalam Bidang Pendidikan	14
2.8	Kurikulum Dalam Bidang Pendidikan	14
2.9	Psikologi Dalam Bidang Pendidikan	15
2.10	Falsafah Dalam Bidang Pendidikan	16
2.11	Teknologi Dalam Bidang Pendidikan	17

BAB III METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	19
3.1	Rekabentuk Kajian	19
3.2	Subjek dan Sumber Data	20
3.2.1	Populasi dan Sampel	20

3.3	Prosedur Kajian	21
3.4	Instrumen Kajian	21
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	23
3.6	Kaedah Analisa Data	24
3.6.1	Kaedah penganalisaan Peratusan	24

BAB IV ANALISA DATA

4.0	Pengenalan	25
4.1	Analisa Taburan Demografi Responden	26
4.1.1	Taburan Jantina Responden	26
4.1.2	Taburan Bidang Pengkhususan Responden	27
4.2	Analisa Persepsi Responden	28
4.3	Analisa Persepsi Responden Berdasarkan Subjek	35
4.3.1	Pengenalan Penyelidikan Pendidikan	36
4.3.2	Psikologi Pendidikan	36
4.3.3	Falsafah Pendidikan	37
4.3.4	Teknologi Pendidikan	38
4.3.5	Pengenalan Pedagogi	38
4.3.6	Penilaian Pendidikan	39
4.3.7	Perkembangan Kurikulum	40
4.3.8	Kaedah Mengajar Bidang Khusus	41
4.3.9	Seminar dan Kajian Kes Dalam Pendidikan	41
4.3.10	Falsafah Sains dan Pembagunan Sosial	42
4.3.11	Pengurusan Sumber Manusia Dalam Pendidikan	43
4.3.12	Sosiologi Pendidikan	43
4.3.13	Sistem Pendidikan Negara	44
4.3.14	Amalan Keselamatan di Tempat Kerja	45
4.3.15	Isu-isu Global	46

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	57
5.1	Kesimpulan	47
5.1.1	Kegunaan Subjek Dalam Pengajaran	48
5.1.2	Pengetahuan Pensyarah Dalam Pengajaran	49
5.1.3	Penilaian Yang Diberikan Oleh Pensyarah	50
5.3	Cadangan	52

RUJUKAN 54

LAMPIRAN

Borang Soal-selidik 55-57



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJUNG AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Aras Persetujuan Skala Likert	22
3.2	Penggabungan Skala Likert	22
3.3	Kategori Soalan Kajian dalam Soal Selidik	23
4.1	Taburan Jantina Responden	26
4.2	Taburan Bidang Pengkhususan Responden	27
4.3	Peratusan Persepsi Pelajar Terhadap Subjek	29
4.4	Kekerapan persepsi Pelajar Terhadap Subjek	31



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Peratusan Jantina Responden	27
4.2	Peratusan Bidang Pengkhususan Responden	28
4.3	Peratusan Persepsi Pelajar Berkaitan Kegunaan Subjek Semasa di Politeknik	33
4.4	Peratusan Persepsi Pelajar Berkaitan Pengetahuan Pensyarah dalam pengajaran	34
4.5	Peratusan Persepsi Pelajar Berkaitan Penilaian Pensyarah Setiap Subjek	35



BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Program Sarjana Pendidikan Teknikal di wujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memenuhi keperluan pensyarah di politeknik-politeknik seluruh Malaysia yang semakin berkembang, berikutan dari keperluan dalam bidang teknik dan vokasional yang tinggi di pasaran. Tujuan utama penubuhan program ini adalah untuk melahirkan tenaga pengajar politeknik yang berkualiti disamping berusaha untuk mengembangkan potensi individu pelajar selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan sebagaimana termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Program Sarjana Pendidikan dengan Kerja Kursus ini telah dilaksanakan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dengan kerjasama dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). KUiTTHO baru dinaiktarafkan dari Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) dan sebelum itu dikenali sebagai Pusat Latihan Staff Politeknik. Program ini diletakkan dibawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan mempunyai unit sendiri iaitu Unit Pengajian Siswazah.

Keberkesanan Program Sarjan Pendidikan Teknikal ini akan memberi kesan yang besar terhadap kejayaan di dalam pembangunan sumber manusia khususnya di dalam bidang perindustrian. Pelajar-pelajar Politeknik yang bakal dididik oleh graduan-graduan KUiTTHO ini akan menjadi pembekal kepada tanaga kerja separuh mahir yang utama pada masa depan. Oleh itu secara tidak langsung menjadi tugas KUiTTHO menyediakan program yang berkesan kepada bakal pensyarah-pensyarah tersebut.

1.1 LATARBELAKANG MASALAH

Program Sarjana Pendidikan Teknikal yang di tawarrkan di KUiTTHO akan ditamatkan pelaksanaannya. Kemasukan 200/2001 adalah kemasukan yang terakhir bagi program ini. Program ini akan diganti dengan program baru yang hampir serupa iaitu Program Sarjana Pendidikan Teknik dan vokasional. Berberapa perubahan dari segi subjek yang ditawarkan dan pengurusannya telah dilaksanakan untuk kemasukan seterusnya dimana ia dijangka akan menghasilkan graduan yang lebih berkualiti dengan kelebihan mempunyai pengalaman bekerja sebagai syarat masuk.

Kemasukan pelajar yang baru ini akan mengikuti satu sistem subjek baru yang telah menerima sedikit perubahan dari sistem subjek yang asal. Penentuan subjek yang diajar dalam program sarjana adalah penting kerana subjek yang ditawarkan dalam Program Sarjana Pendidikan KUiTTHO adalah penentu kepada kecemerlangan pensyarah atau bakal graduan apabila mengajar di Politeknik nanti. Dengan perkembangan dalam bidang Teknik dan Vokasional yang semakin pesat dan kritikal ketika ini, sudah tentu akan meningkatkan lagi beban yang perlu ditanggung oleh pensyarah.

Oleh itu, adalah menjadi hasrat penyelidik untuk melihat persepsi pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO terhadap subjek yang ditawarkan dalam Program

Sarjana Pendidikan KUiTTHO. Kajian ini penting untuk menilai sejauhmana subjek yang ditawarkan itu berguna sebagai asas bagi bakal pensyarah apabila mengajar di Politeknik nanti. Selain itu, tahap pengetahuan pensyarah yang mengajarnya serta penilaian yang diberikan akan menentukan tahap kesediaan bakal pensyarah untuk menempuhi cabaran pengajaran pada masa depan.

1.2 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO terhadap subjek-subjek yang ditawarkan dalam Program Sarjana Pendidikan Teknikal di KUiTTHO berdasarkan kegunaannya dalam pengajaran di Politeknik, pengetahuan pensyarah yang mengajar dan penilaian yang diberikan terhadap pelajar.

1.3 Pernyataan masalah

Penyelidik ingin melihat apakah persepsi pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO terhadap subjek-subjek yang ditawarkan dalam Program Sarjana Pendidikan KUiTTHO

1.4 Persoalan kajian

Penyelidik telah menjawab persoalan kajian berikut :

1. Adakah subjek pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO berguna dalam pengajaran di Politeknik ?
2. Adakah pensyarah subjek bagi program Sarjana Pendidikan KUiTTHO mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bidang pengajaran mereka?
3. Adakah penilaian yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar adalah adil ?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian yang telah di capai oleh penyelidik adalah :

1. Penyelidik telah melihat persepsi pelajar terhadap persoalan adakah subjek yang ditawarkan dalam Program Sarjana Pendidikan KUiTTHO berguna dalam pengajaran di Politeknik
2. Penyelidik telah melihat persepsi pelajar terhadap persoalan adakah pensyarah yang mengajar subjek-subjek dalam Program Sarjana Pendidikan KUiTTHO mempunyai pengetahuan yang mencukupi
3. Penyelidik telah melihat persepsi pelajar terhadap persoalan adakah penilaian yang diberikan oleh pensyarah adakah adil

1.6 Skop kajian

Penyelidik akan menumpukan kajian kepada pelajar Program Sarjana Pendidikan di KUiTTHO sahaja. Oleh itu, setiap data dan maklumat yang diperolehi hanya sah digunakan di KUiTTHO sahaja.

1.7 Daftar Istilah

1.7.1 Pelajar

Dalam kajian ini, pelajar ditakrifkan sebagai seseorang yang telah didaftarkan untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di KUiTTHO (Peraturan Pengajian Siswazah, 2000). Mengikut kamus Oxford (1991) pula, pelajar dimaksudkan sebagai seorang yang terlibat dalam mempelajari sesuatu, terutama di kolej dan universiti.

1.7.2 Pensyarah

Dalam kajian ini, pensyarah ditakrifkan sebagai tenaga pengajar yang terlibat dalam Program Sarjana Pendidikan Siswazah sama ada sebagai pengajar ataupun penyelia.

1.7.3 Program Sarjana Pendidikan dengan Kerja Kursus

Menurut Peraturan Siswazah (2000), Program Sarjana Pendidikan KUiTTHO adalah Program Pengajian Siswazah yang ditawarkan oleh KUiTTHO dengan kerjasama UTM untuk graduan lepasan ijazah pertama. Council for National Academic Award

(CNAAs) telah mendefinisikan Sarjana dengan Kerja kursus sebagai satu program pembelajaran dalam bidang dimana pengetahuan terdahulu telah membekalkan asas yang sepatutnya, pada satu tahap yang memerlukan pembelajaran intensif dan tambahan daripada ijazah pertama dimana ia sesuai untuk memenuhi matlamat pendidikan umum dan dimana ia termasuk elemen-elemen penting untuk keperluan membuat kerja tambahan secara berdikari dan masa yang normal bagi program ini adalah 48 minggu atau lebih.

1.7.4 Persepsi

Neyman (1993) mendefinisikan persepsi sebagai satu proses dimana semua pengalaman sensori dirancang dan digabung semula untuk menjadikannya lebih bermakna.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan agen yang berpengaruh dalam usaha menggalakkan proses perubahan sosial. Ia juga berperanan dalam usaha pengembangan ekonomi, penyebaran budaya serta berupaya mengawal perkembangan politik dan agama. Oleh itu, bidang pendidikan perlu sentiasa berkembang seiring dengan masa dan situasi.

Pendidik merupakan pendokong utama perkembangan dalam bidang pendidikan. Oleh itu seorang pendidik perlu sentiasa peka dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam bidang ini. Untuk melahirkan pendidik yang peka, mereka perlu diberikan latihan dan panduan yang secukupnya sebelum membabitkan diri dalam bidang ini. Mengikut Conet (1963), Pendidikan dalam bidang pendidikan bukan sahaja perkara yang penuh cabaran, malahan juga perkara yang sangat kompleks. Pengajaran yang diamalkan oleh seorang pendidik adalah kompleks dan seorang pendidik perlu cekap dalam mempergunakan berbagai pendekatan dalam pengajarannya.

2.1 Ciri-ciri Pelajar Dalam Bidang Pendidikan

Mengikut Knight (1997) sekiranya graduan sarjana pendidikan mesti dinilai sebagai tenaga yang kreatif, penyelesaian masalah, dan pengurus, maka pengajaran, pembelajaran dan kurikulumnya mesti memberi peluang agar perkara-perkara itu dibangunkan.

Reavy (1997) pula menekankan bahawa program yang sederhana (average) akan menarik pelajar yang sederhana untuk mengikutinya dan menarik sumbangan yang sederhana dari ahli akademik yang ‘sederhana’ yang terlibat dan akhirnya menghasilkan sumbangan yang sederhana dalam bidang pendidikan.

Berbanding dengan program yang terbaik, akan menarik pelajar yang terbaik, bertenaga serta berpandangan jauh. Ahli akademik yang terbaik akan berebut-rebut untuk menyertainya dan gabungan itu akan menghasilkan sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan. Oleh itu, untuk menarik pelajar yang terbaik, pihak fakulti perlu membangunkan satu program sarjana yang dianggap ‘hebat’ oleh bakal-bakal pelajarannya.

Mengikut Thorne(1997) standard pencapaian pelajar mesti boleh dibandingkan di antara program-program dalam institusi yang sama dan juga diantara program yang sama dalam institusi yang berbeza. Sebab itulah universiti berlumba-lumba menarik pelajar-pelajar yang terbaik untuk menyertai fakulti mereka.

Di Universiti Teknologi Malaysia (2001), pelajar diperingkat sarjana diharapkan dapat menunjukkan tahap inisiatif dan membuat keputusan dan penilaian tanpa memerlukan bantuan dari pihak lain. Seseorang sarjana seharusnya boleh membincangkan dan menyelidik walaupun kehendak kepada menyumbang kepada ilmu baru adalah terbatas kepada latihan dan pelaksanaan dibawah bimbingan penyelia.

2.2 Tugas dan Tanggungjawab Pensyarah

Tugas utama seorang pensyarah kepada pelajarinya adalah memberikan motivasi dan mendorong minat pelajar dan seterusnya mengekalkan minat tersebut dalam proses pembelajaran. Mengikut Bernard (1965), motivasi merupakan penggerak yang kepada pembelajaran. Ia melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat pelajar. Ia merupakan unsur penting membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif disamping menjadikan proses pembelajaran itu bermakna dan menyeronokkan (Kamaruddin, 1997). Selain itu, pensyarah juga perlu meningkatkan semangat ingin tahu pelajar agar mereka termotivasi secara dalaman dan tidak bosan menghadapi pelajaran (Morris, 1984)

Satu lagi tugas utama pensyarah adalah memberikan penyeliaan kepada pelajar. Mengikut Long, Convey, Chwalek (1985) kebanyakan program kesarjanaan membekalkan pelajar dengan penyeliaan sekurang-kurangnya dari seorang penasihat fakulti. Mereka tidak akan dibiarkan bersendirian membuat tesis. Namun begitu, satu masalah yang dihadapi pelajar adalah adakalanya penyelia pergi untuk menerima jawatan di universiti lain atau berkursus dalam jangka yang panjang. Pelajar akan terpaksa bekerja sendiri atau mencari penyelia yang lain yang sudah tentu berbeza pendekatannya.

Mereka juga secara optimis mengatakan kebanyakan kebanyakan program Sarjana akan mengajar skil yang diperlukan, menyediakan penyeliaan yang profesional dan memberikan masa yang secukupnya untuk pelajarinya menyelesaikan kajiannya. Sekiranya berlaku sebarang kegagalan, ia pastinya berpunca dari masalah luaran ataupun masalah dalam diri pelajar sendiri.

Fungsi lain pensyarah, terutama dalam program Sarjana adalah untuk membantu pelajar merancang pelaksanaan tesis. Penyelia adalah orang kedua yang terpenting selepas pelajar sendiri untuk memastikan pelaksanaan tesis berjalan lancar. Penyelia yang baik perlu berminat dengan subjek kajian pelajar. Penyelia yang paling ideal adalah

yang terbabit dalam kajian yang sama dengan kajian pelajar atau sekurang-kurangnya yang hampir sama.

Di California State University (Hurt, 1997), pensyarah yang diambil untuk program sarjana adalah yang terbaik antara yang terbaik. Faktor-faktor yang diambil kira dalam memilih pensyarah adalah :

- i) Produktiviti hasil kajian yang disumbangkan
- ii) Kaedah pengajaran yang dilaksanakannya secara keseluruhan
- iii) Pengalaman dan kekuatan dari segi hubungan bukan akademik

Mercka akan dianggap sebagai berkelayakan secara akademik dan profesional sekiranya menunjukkan perkembangan yang cemerlang di setiap semester dari segi :

- i) Pembangunan program baru
- ii) Menyelaras kajian-kajian
- iii) Mengekalkan tahap keintelektualan
- iv) Mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti-aktiviti akademik.

Mengikut Cameron (1978), antara contoh pensyarah yang efektif boleh dilihat dari jumlah penerbitan hasil kajian yang banyak dan berkualiti, manakala pensyarah yang kurang efektif pula adalah mereka yang mempunyai kualiti pengajaran yang rendah dan menghabiskan masa yang sedikit untuk pelajar

2.3 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran bagi program sarjana pendidikan dengan kerja kursus biasanya dirangka sendiri oleh institusi yang menawarkannya. Namun

begitu, ia biasanya mesti selari dengan mana-mana program yang telah sedia wujud dan diiktiraf agar program itu mendapatkan pengiktirafan dari umum dan juga pihak-pihak berkepentingan.

Di California State Polytechnic University, mereka menggunakan model 3 + 1 sebagai asas penentuan Pengajaran dan Pembelajaran (Hurt, 1997). Dalam model ini, setiap subjek dibahagikan kepada 2 bahagian asas :

- | | |
|------------|---|
| Bahagian 1 | Syarahan dan perbincangan tentang komponen pembelajaran
Peruntukan sebanyak 3 unit atau jam kredit |
| Bahagian 2 | Pembelajaran berarah yang memfokuskan kepada aplikasi
konsep dan skil yang dipelajari dari syarahan dan perbincangan
Peruntukan sebanyak 1 unit atau jam kredit |

Syarahan dan perbincangan selama 3 jam adalah sesuatu yang umum bagi mana-mana program sarjana di mana-mana universiti. Kelainannya adalah pada tambahan 1 unit. Masa yang diperuntukan ini membolehkan pelajar mengamalkan apa yang dipelajari dari syarahan kepada dunia sebenar dan situasi yang praktikal.

Sukatan pelajaran bagi kedua-dua bahagian ini adalah berbeza, begitu juga dengan penilaiannya. Dengan cara ini, keupayaan pelajar dalam pelajaran dan dalam aplikasi ilmu dapat dibezakan kelemahan mereka dapat diperbaiki dengan mudah.

2.4 Penilaian Dalam Bidang Pendidikan

Glaser (1962) telah membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah pengajaran dan penilaian

pencapaian. Penilaian pencapaian pelajar penting untuk menilai sejauhmana pembangunan atau perubahan tingkah laku yang telah dilalui oleh pelajar. Penilaian ini terdiri daripada ujian-ujian serta pemerhatian-pemerhatian yang digunakan untuk menentukan sejauhmanakah objektif-objektif pengajaran telah tercapai.

Mengikut Najib (1997) pula, penilaian sentiasa dilaksanakan di institusi-institusi pendidikan sehingga pendidik menganggap bahawa ianya hanya satu teknik mendapatkan maklumbalas tentang pengajaran dan pembelajaran. Pendidik mungkin akan menghadkan tugas menilai dengan melakukan peperiksaan akhir untuk menentukan prestasi pelajar diakhir kursus atau sesuatu tempoh tertentu. Sebenarnya ia adalah satu proses berterusandari awal hingga akhir pengajaran berdasarkan prinsip-prinsip penting seperti berikut :

- a. Menentukan dengan jelas apa yang akan dinilai
- b. Menentukan teknik yang akan digunakan untuk menilai berdasarkan kaitan dan kesesuaian terhadap ciri-ciri atau pencapaian yang akan diukur.
- c. Menggunakan pengukuran yang komprehensif iaitu dengan menggunakan pelbagai kaedah
- d. Penilaian adalah salah satu cara mengukur, tetapi ia bukanlah satu cara yang muktamad

Najib (1997) juga telah membahagikan jenis-jenis penilaian kepada empat mengikut fungsi dan waktu ia ditadbirkan. Jenis-jenis penilaian itu adalah :

- a. Penempatan atau prakelayakan
Penilaian untuk menentukan kelayakan dan kebolehan pelajar di peringkat awal atau sebelum proses pengajaran. Ia dapat membantu pendidik menentukan corak pengajaran yang sesuai dan berkesan bagi setiap pelajar dalam kelasnya.

b. **Formatif**

Penilaian untuk mengawasi proses pembelajaran semasa atau sepanjang proses pengajaran. Ia dapat memberikan maklum balas tentang kejayaan atau kegagalan pembelajaran secara berterusan.

c. **Diagnostik**

Penilaian untuk menentukan kesukaran atau masalah pembelajaran semasa proses pengajaran. Ia boleh digunakan untuk menentukan masalah pelajar yang tidak konsisten.

d. **Sumatif**

Penilaian ini adalah untuk menilai pencapaian di akhir pengajaran dan selalu digunakan untuk menentukan gred di akhir kursus. Contohnya adalah ujian akhir semester dan peperiksaan SPM

2.5 **Penulisan Tesis Atau Kajian Kes Dalam Pendidikan**

Kebanyakan program keserjanaan dalam bidang pendidikan memerlukan penghasilan tesis atau kajian kes sebagai asas penganugerahan keserjanaan. (Long, Convey dan Chwalek, 1985) penghasilan tesis atau kajian kes ini biasanya mengambil masa antara 9-18 bulan, tapi sesetengah kajian kes boleh diselesaikan dalam masa 6 bulan sementara yang lain gagal melaksanakannya dalam masa 6 tahun. Ia banyak bergantung kepada komitmen pelajar sendiri dan juga kerjasama yang diperlukan dari pihak-pihak lain seperti penyelia dan juga pihak yang terlibat dengan kajian serta sumber maklumat dan fakta yang diperlukan.

Apabila seseorang pelajar membuat tesis atau kajian kes, dia perlu sekurang-kurangnya meluangkan masa 20 jam setiap minggu untuk memastikan ia dapat diselesaikan pada masanya. Satu fakta yang perlu dihadapi oleh pelajar adalah

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

- Allen D. dan Ryan K. (1969). "Microteaching". USA :
Addison-Wesley Publishing Company.
- Athanasou J.A. (1997). "Teaching And Learning At Masters Level : An Australian Perspectives On Adult Education". Great Britain : Redwood Books.
- Brown G.A.(1975)."Microteaching : Research and Development in Ghana". USA :
NFER .
- Conet J.B. (1963)." The Education of American Teacher".New York : McGrawil
- Ee Ah Meng (1997). " Siri Diploma Perguruan : Pedagogi 2, Pelaksanaan Pengajaran".
Shah Alam : Fajar Bakti
- Ee Ah Meng (1996). " Siri Diploma Perguruan : Psikologi Pendidikan 1". Shah Alam :
Fajar Bakti
- Hurt B.(1997). Master Of Business Administrations : A North American View". Great
Britain : Redwood Books.
- Jamaludin Badusah, Muhamad Hussin dan Abd. Rasid Johar (2000). "Inovasi dan
Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran". Selangor : AJM Publishing
Enterprise
- Krejie , R.V. dan Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size For
Research:Education and Psichological Measurement." Pp.607-610.
- Knight P.T.(1997). "Learning and Teaching in Taught Naster Degrees". Great Britain :
Redwood Books.

Long T.J, Convey J.J, Chwalek A.R (1985).”Completing Dissertations in The Behavioral Science and Education”. USA : Jossey-Bass Inc.

Mohd Najib Ghafar (1997).”Pembinaan dan Analisis : Ujian Bilik Darjah”. Johor :UTM

Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). “Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer:SPSS 10.0 For Windows”. Kuala Lumpur: Intan Spektra

Mok Soon Sang (1997).”Siri Pendidikan Perguruan : Pedagogi 2, Pelaksanaan Pengajaran”. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.

Reavy D. (1997). “A Masters Programme That Matter To The New South Africa”. Great Britain : Redwood Books.

Sekolah Pengajian Siswazah (2000). “Buku Panduan Pelajar Pengajian Siswazah”. Johor UTM

Thorne P. (1997). “Standards And Quality In Taught Master’s Programme”. Great Britain : Redwood Books.

_____ (2001). “Sinopsis Matapelajaran Sarjana Teknologi Pendidikan”.

<http://www.fp.utm.my/program/master/sinomp.htm>